

03 MAY 2002

Syed Hamid-Amerika

LAWATAN DR MAHATHIR KE AMERIKA TINGKATKAN HUBUNGAN DUA HALA

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Lawatan dua hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Amerika Syarikat bermula 13 Mei ini bertujuan meningkatkan kerjasama dan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia mendapati pentadbiran Amerika menunjukkan minat yang sama seperti Malaysia untuk mengukuhkan kerjasama antara kedua-dua negara, terutama dalam bidang ekonomi dan perdagangan.

"Lagi pula sebagai negara membangun yang memainkan peranan aktif dalam sidang kemuncak Negara-negara Islam dan Negara-negara Berkecuali, sudah tentu suara Malaysia yang mewakili pertubuhan ini boleh menjadi input penting yang boleh kita ketengahkan kepada presiden Amerika itu nanti," katanya pada sidang media selepas merasmikan pameran Mahligai Rohani Islam di Muzium Kesenian Islam di sini hari ini.

Beliau berkata perbincangan antara Dr Mahathir dan Presiden George W. Bush akan berkisar mengenai usaha Malaysia dalam membanteras keganasan serta isu Palestin.

Selain mengadakan perbincangan dengan Presiden Bush, beliau juga dijangka mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Negara Colin Powell, Penasihat Keselamatan Condoleeza Rice dan wakil Majlis Perniagaan Asia.

Sementara itu, Duta Amerika ke Malaysia, Marie T. Huhtala yang ditemui selepas majlis pelancaran itu berkata hubungan antara Malaysia dan Amerika kini semakin rapat.

"Kami khususnya menghargai kerjasama erat berhubung isu keganasan, dan saya yakin ia akan menjadi topik utama mereka (Dr Mahathir dan Bush)," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Huhtala berkata Dr Mahathir dan Bush akan memanfaatkan asas kukuh yang wujud dalam hubungan persahabatan antara Amerika dan Malaysia semasa pertemuan mereka.

"Malaysia adalah sekutu rapat dalam perjuangan sejagat menentang sikap tidak mahu bertolak-ansur dan keganasan, dan kerajaan saya amat menghargai sokongan yang diberi.

"Saya harap anda semua akan gembira dengan sambutan unik yang diberi terhadap senibina Islam ini dan menggunakan kesempatan ini untuk mempelajari lebih banyak mengenai Islam di Amerika Syarikat, sama seperti rakyat Amerika yang kini mempelajari lebih banyak tentang Islam," katanya.

Huhtala berkata kedai-kedai buku di Amerika menghadapi kesulitan untuk mendapatkan bekalan yang mencukupi bagi buku-buku mengenai Islam termasuk naskhah al-Quran.

Beliau berkata antara mata pelajaran yang paling popular di universiti-universiti Amerika sekarang ialah Pengajian Islam, Pengajian Mengenai Asia Barat dan bahasa Arab.

"Kini, Islam merupakan agama yang paling pesat berkembang di Amerika Syarikat dengan lebih enam juta orang Islam di Amerika dan beribu-ribu yang datang ke Amerika setiap tahun. Kini sudah ada lebih 1,200 masjid di Amerika, sesetengahnya berusia lebih 130 tahun, tetapi lebih 60 peratus daripadanya dibina sejak 1980," kata beliau.

Pameran "Mahligai Rohani Islam" selama sebulan yang bermula hari ini mempamerkan 33 lakaran grafik masjid-masjid termasyhur di seluruh dunia hasil karya Allahyarham Wahbi Al-Hariri Rifai.

Koleksi yang dipinjam dari GDG Exhibit Trust, Washington DC itu memaparkan pelbagai kawasan geografi yang menjangkau 12 abad yang

diperintah oleh pelbagai dinasti Islam.

-- BERNAMA

AZH DC SP RON